

## Kuala Lumpur

**P**enggunaan sistem data besar sebagai pangkalan data komprehensif permintaan dan penawaran hartanah, dijangka dapat menyelesaikan masalah hartanah tidak terjual di negara ini.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin berkata, ketika ini kekurangan data menyukarkan kerajaan untuk mengenal pasti kedudukan sebenar pasaran hartanah tempatan dan juga keperluan perumahan rakyat.

Justeru, dengan adanya sistem data besar, kementerian boleh mengumpul semua data dan melihat kedudukan sebenar pasaran semasa dan kemudian dapat membuat unjuran pembangunan hartanah pada masa depan, yang mana dapat memenuhi keperluan pasaran.

"Kami sedar terdapat kekurangan data besar. Kami rasa penting untuk mempunyai sistem data besar bagi membuat unjuran yang lebih baik dari segi jenis rumah, bentuk, harga dan lokasi.

"Dengan ketetapan data diperolehi, kita dapat menyelesaikan masalah unit hartanah tak terjual," katanya dalam ucapannya di Persidangan Membina dan Pembiayaan Rumah Mampu Milik Merentasi Asia di sini, semalam.

Persidangan selama dua



# BISNES

TEL 1-300-22-6787 **SAMB** 4979

**TWITTER** bisnesHM

## DATA KOMPREHENSIF

■ *Sistem info besar dapat selesaikan masalah unit hartanah tidak terjual*

hari itu dianjurkan secara bersama antara Cagamas Bhd dan Bank Dunia.

Sementara itu, Zuraida berkata, beberapa agensi

asing berminat untuk menjadi pembiaya bagi Skim Sewa Milik (RTO).

Bellau berkata, pihaknya kini sedang berunding de-

ngan beberapa pihak dari China, Korea Selatan dan Asia Barat mengenai perkara itu.

Katanya, Skim RTO adalah antara langkah yang dilak-

sanakan kerajaan bagi membantu golongan B40 di negara ini memiliki rumah, yang mana penyewa akan diberikan masa untuk merancang

dan membeli rumah selepas lima tahun menyewa.

"Kami sedang berunding dengan pelabur asing untuk menjadi pembiaya," katanya.